

Headline	Crest Builder yakin capai projek RM500 juta		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	15 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	E2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	130 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 295
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 885



## Crest Builder yakin capai projek RM500 juta

**SHAH ALAM:** Crest Builder Holdings Bhd yakin dapat mencapai sasaran kontrak pembinaan sebanyak RM500 juta tahun ini, kata Pengarah Urusan Eric Yong Shang Ming.

Beliau berkata hartaanah berharga sederhana dan tinggi masih mempunyai potensi untuk jualan.

"Pasaran hartaanah berharga rendah lembap pada masa ini tetapi dijangka meningkat semula dalam separuh tahun kedua," kata beliau kepada pemberita pada majlis pelancaran Kempen Cabutan Bertuah Bonanza 'Two-Riffict' di galeri jualan Greens@Subang West di sini hari ini.

Projek Greens ialah pembangunan kediaman pegangan bebas yang terdiri daripada 646 unit kondominium yang dibangunkan di atas tanah seluas

2.83 hektar dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM400 juta.

Beliau berkata sebelum pelancaran tersebut, Crest Builder mencatat jualan sebanyak 50 peratus bagi fasa pertama daripada dua fasa pembangunan.

"Kami menjangkakan orang ramai akan memberi reaksi positif kepada hartaanah tersebut kerana masih terdapat banyak lagi peluang, terutamanya unit rumah yang berharga dalam julat RM500,000 hingga RM800,000.

"Pasaran sasaran kondominium itu ialah pembeli rumah kali pertama dan eksekutif muda," katanya.

Kondominium itu mempunyai lapan jenis reka bentuk iaitu unit rumah tiga bilik tidur, unit teres dan 'penthouse' dengan

kawasan binaan dari 915 kaki persegi hingga 1,830 kaki persegi.

Unit-unit tersebut berharga daripada RM568,800 ke atas dan dijangka siap pada Jun 2018.

Berkenaan rancangan masa hadapan, Yong berkata, Crest Builder akan membina pembangunan berorientasikan transit dan unit komersial di Dang Wangi dalam separuh kedua 2017.

"Kita juga akan melancarkan sebuah bangunan pejabat dan tiga buah menara kediaman di Jalan Ampang, Kuala Lumpur menerusi sebuah syarikat usaha sama dengan Lembaga Getah Malaysia pada 2018," katanya.

Crest Builder adalah syarikat pegangan pelaburan dan telah bertapak kukuh dalam industri pembinaan tempatan.- Bernama